



Ruj. Kami : KUDR/TNBB/B/05/26/0179 (15)
Tarikh : 12 Ogos 2026

ENCIK KUEY BEE LAM
Lot 1813, Jalan Manggis,
36000 Teluk Intan,
Perak Darul Ridzuan.

Tuan,

**PROJEK / KERJA : BEKALAN ELEKTRIK KE LOT 1813 JALAN MANGGIS TELUK
INTAN 36000 PERAK DARUL RIDZUAN.**
PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas dan Surat MPTI No. Rujukan **MPTI/160/PIZ 20/2026 (03)** bertarikh **7 Ogos 2026**.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa kebenaran laluan izin lalu pihak Tuan/Puan telah mendapat kelulusan daripada pihak Majlis Perbandaran Teluk Intan dengan syarat yang perlu dipatuhi, seperti berikut;

Bil.	Perkara
i.	Menjelaskan bayaran permit sebanyak RM 50.00 sebelum kerja-kerja dimulakan di tapak dalam bentuk Cek/Bank Draf atas nama kepada Majlis Perbandaran Teluk Intan .
ii.	Menjelaskan wang cagaran sebanyak RM 2,000.00 sebelum kerja-kerja dimulakan di tapak dalam bentuk Cek/Bank Draf kepada Majlis Perbandaran Teluk Intan .

3. Pihak tuan adalah dinasihatkan supaya tidak memulakan apa-apa kerja di tapak sehingga surat kelulusan penuh dikeluarkan daripada pihak Majlis Perbandaran Teluk Intan.

4. Bagi pelaksanaan kerja-kerja ditapak, pihak Tuan/Puan adalah **DIWAJIBKAN** untuk mematuhi Garis Panduan Laluan Kemudahan Utiliti Negeri Perak dan juga syarat-syarat yang dinyatakan oleh Majlis Perbandaran Teluk Intan.

Ruj. Kami : KUDR/TNBB/B/05/26/0179 (K)
Tarikh : 12 Ogos 2026

**PROJEK / KERJA : BEKALAN ELEKTRIK KE LOT 1813 JALAN MANGGIS TELUK
INTAN 36000 PERAK DARUL RIDZUAN.**
PERKARA : PEMAKLUMAN KELULUSAN IZIN LALU

5. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan berhubung perkara di atas, sila hubungi pegawai kami, **A'isyah binti Selahudin** di talian **011-11255623** untuk keterangan lanjut. Hanya dokumen yang telah dilengkapi berdasarkan senarai semak sahaja akan diterima.

Kerjasama serta perhatian daripada pihak Tuan/Puan amatlah kami hargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,



.....
(HASNITA BINTI MUSA@AMINDOLLAH)

Pengurus Kanan Koridor Negeri

Koridor Utiliti Darul Ridzuan

OSA/11082026/Musa/Aisyah

Salinan kepada :

1. PENGARAH JABATAN KEJURUTERAAN

Majlis Perbandaran Teluk Intan,
Jalan Speedy,
36000 Teluk Intan,
Perak Darul Ridzuan.
(U.p: Ahmad Zuhaimie Bin Matsah)

2. HOE ELECTRIC SERVICE

No. 21, Jalan Siakap
34300 Bagan Serai,
Perak Darul Ridzuan.
(u.p : Encik Hoe Weng Chai)